



LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA
MALAYSIAN TIMBER INDUSTRY BOARD
(Kementerian Perladangan dan Komoditi)

Tingkat 13 - 17 Menara PGRM, No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras,
56100, Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel : 603 - 9282 2235 Faks: 603-9200 3769 / 9283 9792
Emel: info@mtib.gov.my Laman Web: www.mtib.gov.my

Ruj. Kami : (16) dlm. LPKM 7/11/04 Jilid 32

Tarikh : 14 Julai 2026

Semua Pengimport
Semua Persatuan Kayu-Kayan

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN PELAKSANAAN FI PERKHIDMATAN BAGI PERMOHONAN
PERMIT IMPORT KAYU DAN PRODUK KAYU**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) merupakan agensi yang dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia aktiviti import dan eksport kayu serta produk kayu di bawah Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) 1973 [Akta 105], termasuk pengeluaran Permit Import Kayu dan Produk Kayu bagi barangan yang tertakluk kepada Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023. Selaras dengan Seksyen 20A Akta 105, MTIB boleh mengenakan fi bagi perkhidmatan yang diberikan di bawah Akta tersebut.

3. Selaras dengan Seksyen 20A Akta 105 MTIB, dimaklumkan bahawa Fi Perkhidmatan Permit Import Kayu dan Produk Kayu sebanyak RM30.00 bagi setiap permohonan akan berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2026 untuk pengimportan kayu dan produk kayu yang tertakluk kepada keperluan Permit Import MTIB ke Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Pelaksanaan fi perkhidmatan ini adalah bagi perkhidmatan pemprosesan, semakan dan pengeluaran Permit Import Kayu dan Produk Kayu, di samping memperkukuh penyampaian perkhidmatan serta memastikan pengurusan permohonan dilaksanakan secara lebih cekap, teratur dan berkesan.

4. Garis Panduan Permohonan Permit Import Kayu dan Produk Kayu boleh dirujuk melalui laman sesawang rasmi MTIB di www.mtib.gov.my. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung pelaksanaan fi perkhidmatan ini boleh dikemukakan kepada pegawai-pegawai Bahagian Pelesenan dan Inspektorat (Seksyen Pelesenan) seperti berikut:

..2/

PERKHIDMATAN BERKUALITI KEPUASAN PELANGGAN



- i. Puan Nik Zuraihah binti Nik Mohammad
Tel : 03-9282 2235 (Samb. 1336)
E-mel : nikzuraihah@mtib.gov.my
- ii. Encik Mohamad Firdaus bin Abas
Tel : 03-9282 2235 (Samb. 1360)
E-mel : firdaus.abas@mtib.gov.my

Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dalam menjayakan pelaksanaan fi perkhidmatan ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



Tg. SAIFUL BAHRI BIN SALLEH
Ketua Pengarah
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

s.k. :

- i) Setiausaha Bahagian Kanan
Bahagian Kemajuan Industri Kayu Kayan, Tembakau dan Kenaf (KTK)
Kementerian Perlindungan dan Komoditi
- ii) Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Operasi)
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
- iii) Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan dan Komersial)
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
- iv) Pengarah-Pengarah Bahagian,
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
- v) Ketua-Ketua MTIB Wilayah
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

HEBAHAN RASMI

FI PERMOHONAN PERMIT IMPORT

KAYU DAN PRODUK KAYU

Mulai 1 Ogos 2026, fi perkhidmatan sebanyak RM30.00 akan dikenakan bagi setiap permohonan Permit Import MTIB untuk pengimportan kayu dan produk kayu yang tertakluk kepada keperluan permit import MTIB ke Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan, mengikut kepada peruntukan dan syarat import yang berkuat kuasa.

Permohonan permit hendaklah dikemukakan kepada MTIB sebelum ketibaan konsainan di pintu masuk, menggunakan kaedah yang ditetapkan dan disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap bagi tujuan semakan dan kelulusan.

RM30.00

bagi setiap permohonan
Permit Import MTIB

BERKUAT KUASA 1 OGOS 2026

SEBARANG PERTANYAAN

Puan Nik Zuraihah binti Nik Mohammad
Encik Mohamad Firdaus bin Abas



+603- 9282 2235 samb. 1336



+603- 9282 2235 samb. 1360



nikzuraihah@mtib.gov.my



firdaus.abas@mtib.gov.my

Portal MTIB



MTIB – SOALAN LAZIM (FAQ)

FI PERMOHONAN PERMIT IMPORT KAYU DAN PRODUK KAYU**RM30.00**

bagi setiap permohonan Permit Import MTIB

BERKUAT KUASA 1 OGOS 2026

**1 Berapakah kadar fi perkhidmatan yang dikenakan bagi permohonan Permit Import MTIB?**

Fi perkhidmatan sebanyak RM30.00 dikenakan bagi setiap permohonan Permit Import MTIB untuk kategori barangan kayu dan produk kayu yang tertakluk kepada keperluan permit import MTIB.

JENIS BARANGAN KAYU

Balak, Baulks (Logs, wood in the rough)	44.03
Kayu Gergaji (Sawn Timber)	44.07
Papan Partikel/Serpai (Particleboard/Chipboard)	44.10
Papan Gentian (Fibreboard)	44.11
Papan Lapis & Venir Berlamina (Plywood)	44.12

KOD KASTAM*

44.03
44.07
44.10
44.11
44.12

*Tertakluk kepada skop, negara asal dan syarat import sebagaimana dinyatakan dalam Perintah Kastam yang berkuat kuasa.

2 Bilakah fi perkhidmatan ini mula berkuat kuasa?

1 Ogos 2026

3 Bagaimanakah cara pembayaran fi perkhidmatan dibuat?

Pembayaran secara tanpa tunai (cashless) melalui *instant fund transfer* (IFT) ke akaun MAYBANK MTIB mengikut pejabat yang memproses permohonan:

PEJABAT MTIB

Ibu Pejabat (Kuala Lumpur)
Wilayah Tengah (Klang)
Wilayah Selatan (Johor Bharu)
Wilayah Utara (Seberang Jaya)
Wilayah Timur (Kota Bharu)
Wilayah Timur (Kuantan)
Wilayah Timur (Kuala Terengganu)

NO. AKAUN MAYBANK

5644 - 0982 - 2932
5124 - 5514 - 9449
5011 - 2314 - 5375
0071 - 1621 - 4320
5530 - 1012 - 3816
5061 - 6420 - 0094
5130 - 1401 - 8954

4 Adakah semua jenis kayu dikenakan fi yang sama?

Ya. Kadar RM30.00 dikenakan bagi setiap permohonan Permit Import MTIB, tanpa mengambil kira kuantiti, nilai, bilangan item atau bilangan kontena dalam permohonan yang sama.

5 Di manakah boleh dirujuk garis panduan permit import?

Portal Rasmi MTIB : <https://www.mtib.gov.my/perkhidmatan/pendaftaran/prosedur-import.html>

WAKTU BERURUSAN PEJABAT MTIB (PENGELUARAN PERMIT IMPORT)**PEJABAT MTIB**

Ibu Pejabat (KL) , Klang,
Seberang Jaya & Kuantan, JB

HARI

Isnin - Khamis
Jumaat

WAKTU

8:30 pagi - 4:30 petang (Rehat 1:00 - 2:00 petang)
8:30 pagi - 4:30 petang (Rehat 12:15 - 2:45 petang)

Kota Bharu
K. Terengganu & B. Kayu Hitam

Ahad - Rabu/Khamis

8:30 pagi - 4:30 / 3:00 petang (Rehat 1:00 - 2:00 petang)

Bahagian Pelesenan dan Inspektorat (BP&I)

Tingkat 13-17, Menara PGRM, No.8, Jln Pudu Ulu, Cheras, 50728 Kuala Lumpur | Tel : +603 - 9282 2235 | Fax : +603 - 9285 1744 | www.mtib.gov.my